

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 OGOS 2021  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## Gesa manfaat tempoh sebelum Parlimen bersidang

### Malaysia perlu keamanan, kestabilan politik untuk terus catat kejayaan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohd Nasaruddin Parzi, Ilah Hafiz Aziz dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tempoh sebulan sebelum Parlimen kembali bersidang seharusnya digunakan sebaik mungkin semua pihak untuk bermuafakat dan meletakkan negara dalam keadaan yang lebih stabil, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Mustapa menegaskan, ruang yang ada ini perlu dimanfaatkan bagi memastikan Malaysia terus mencatatkan kejayaan kerana negara memerlukan keamanan

serta kestabilan politik.

"Alhamdulillah, pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam (kelmarin) mengenai rancangan mengadakan undi percaya di Parlimen pada September ini mententeramkan keadaan. Pengumuman itu diterima baik sebahagian besar rakyat.

"Kekuatan utama Malaysia sejak merdeka ialah kestabilan politik yang membolehkan negara ini mencapai kejayaan yang membanggakan dalam pelbagai bidang," katanya yang juga ahli Parlimen Jeli, dalam satu kenyataan, semalam.

Mustapa berkata, Malaysia mempunyai potensi sangat besar untuk menjadi sebuah negara maju kerana ada pelbagai sumber dan modal insan yang berkualiti.

Sementara itu, ahli Parlimen Besut, Datuk Seri Idris Jusoh, daripada UMNO, pula memutuskan pendiriannya menyokong kerajaan Perikatan Nasional (PN) di bawah kepemimpinan Muhyiddin demi kebaikan rakyat yang kini terkesak akibat pandemik COVID-19.

Beliau yang juga Pengerusi FELDA, berkata Perdana Menteri banyak membantu warga FELDA, termasuk menerusi langkah kerajaan meluluskan penerbitan sukuk bernilai RM9.9 bilion dan penghapusan hutang berjumlah RM8.3 bilion.

"Ketika rakyat sengsara dengan isu COVID-19, sebolehnya kita jangan sangat berpolitik.

"Kita wajib menumpukan masa dalam kerajaan, membantu rakyat, meningkatkan vaksinasi dan memulihkan ekonomi.

"Jangan kita nafikan Muhyiddin banyak membantu UMNO. Dahulu di bawah Pakatan Harapan (PH), UMNO adalah pembangkang.

"Sekarang, berada bersama-sama dalam kerajaan, pemimpin UMNO diberi pengiktirafan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan dilantik Menteri Kanan dalam kerajaan.

"Kebolehan pemimpin UMNO inilah menyebabkan ramai ahli UMNO bersyukur dan turut sama dibantu kerajaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibra-

"Kekuatan utama Malaysia sejak merdeka ialah kestabilan politik yang membolehkan negara capai kejayaan membanggakan"

Mustapa Mohamed,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)



"Mengenai soal kelemahan, semua pihak ada kelemahan. Apa yang penting ialah bagaimana kita mahu menguruskannya"

Tuan Ibrahim Tuan Man,  
Timbalan Presiden PAS



him Tuan Man, berkata parti itu dukacita dengan keputusan UMNO menarik balik sokongan kepada kerajaan PN, sedangkan turut bersama-sama membentuk pentadbiran negara ketika ini.

Beliau berkata, berkata parti itu sudah menasar pemerintahan kerajaan PN bertahan hingga Parlimen dibubarkan, malah mendakwa ia juga adalah pendirian UMNO sebelum ini.

Walaupun mengakui PAS tiada hak untuk campur tangan dalam hal parti lain, beliau berkata, sebagai rakan, pihaknya perlu mengetahui hala tuju yang mahu dibawa selepas ini.

Buat masa ini, katanya, PAS berpendirian bahawa kerajaan PN adalah yang terbaik.

"Mengenai soal kelemahan, semua pihak ada kelemahan.

"Apa yang penting ialah bagaimana kita mahu menguruskan

nya," katanya.

Dalam perutusan khas kelmarin, Muhyiddin menegaskan bahawa keabsahan beliau sebagai Perdana Menteri dan kedudukan kerajaan PN akan ditentukan pentadbiran negara ketika ini.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, beliau sudah menyembah maklum kepada Yang di-Perutusan Agung dan cadangannya itu mendapat perkenan baginda.

Pengumuman itu menyusul selepas Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mengumumkan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) bersetuju parti itu menarik sokongan kepada kerajaan PN dan Muhyiddin, sekali gus mendesak Perdana Menteri berundur atas dakwaan sudah hilang majoriti.